

22 OCT 1997

MAHATHIR MAHUKAN YADIM DISUSUN SEMULA

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) yang baru, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, supaya menyusun semula organisasi itu dan menentukan program yang akan dijalankan.

Dr Abdul Hamid berkata Perdana Menteri memberi amanat itu sempena pelantikannya ke jawatan berkenaan mulai 15 Okt lepas. Beliau menggantikan Datuk Haji Dusuki Ahmad.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas di sini, Dr Abdul Hamid berkata antara matlamat yang perlu dicapai Yadim ialah menjadikan umat Islam di negara ini mempunyai akidah yang "mendesak" mereka supaya membangunkan diri dan negara.

Katanya umat Islam juga perlu menjadi golongan yang memainkan peranan penting bagi menentukan kestabilan negara dan kejayaan ekonomi termasuk dalam usaha membasmi kemiskinan.

Yadim ditubuhkan pada 1974 bertujuan menjalankan aktiviti dakwah di seluruh Malaysia dan mengembangkan agama Islam terutama dalam bidang amal yang bersangkutan-paut dengan pendidikan, sosial dan kebajikan umat Islam. --
BERNAMA

MAM RON